

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HGT 411 Sistem Maklumat Geografi

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

1. "Sistem maklumat geografi (GIS) telah merevolusikan cara peta dan data berkaitan ruangan disimpan, diurus, diolah, dianalisis dan dipaparkan". Bincangkan pernyataan ini.
[25 markah]
2. "Faktor-faktor yang berkaitan dengan organisasi adalah sangat penting dalam pelaksanaan sistem maklumat geografi". Bincangkan pernyataan ini.
[25 markah]
3. [a] Huraikan pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam sistem maklumat geografi (GIS) untuk mengendalikan maklumat pertalian ruangan antara objek-objek geografi.
[10 markah]
[b] Bincangkan kepentingan maklumat topologi untuk analisis ruangan yang terdapat dalam sistem maklumat geografi (GIS).
[15 markah]
4. "Sistem maklumat geografi (GIS) dikatakan sebagai alat yang mampu mengintegrasikan data dan pelbagai disiplin". Bincangkan pernyataan ini.
[25 markah]

.../2

5. "Data adalah sangat penting kepada pelaksanaan sistem maklumat geografi (GIS)". Bincangkan pernyataan ini.

[25 markah]

6. "Kepentingan sistem maklumat geografi (GIS) kepada geografi bolehlah disamakan dengan kepentingan mikroskop kepada sains kajihayat". Bincangkan pernyataan ini.

[25 markah]

7. Bincangkan masalah-masalah yang lazim dihadapi dalam pelaksanaan dan pengurusan sistem maklumat geografi (GIS).

[25 markah]

-oooo000ooo-